



MAJLIS DAERAH MERSING

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa sebagaimana **Jadual 1** daripada Kontraktor-kontraktor tempatan bertaraf Bumiputera yang berdaftar dan memenuhi syarat-syarat sepertimana di bawah:

KERJA	PERKHIDMATAN / BEKALAN
a) Berdaftar dengan Pejabat Majlis Daerah Mersing Bagi Tahun 2025 dan; b) Membawa Perakuan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang belum tamat tempoh sah laku dan; c) Membawa Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB yang belum tamat tarikh tempoh habis perakuan dan; d) Membawa Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB yang belum tamat tarikh tempoh habis perakuan dan; e) Membawa Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera (Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan oleh Kementerian Kerja Raya Malaysia) yang belum tamat tempoh sah laku dan; f) Membawa Sijil Kontraktor Johor (SKJ) oleh Johor Centre For Construction Development (JCCD) dan; g) Membawa cop syarikat terkini.	a) Berdaftar dengan Pejabat Majlis Daerah Mersing Bagi Tahun 2025 dan; b) Membawa Sijil Perakuan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang belum tamat tempoh sah laku dan; c) Membawa Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat oleh Kementerian Kewangan Malaysia yang belum tamat tempoh sah laku dan; d) Membawa Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera oleh Kementerian Kewangan Malaysia yang belum tamat tempoh sah laku dan; e) Membawa cop syarikat terkini.

2. Naskah Meja sebut harga boleh disemak di **Jabatan Kejuruteraan**, Pejabat Majlis Daerah Mersing, No.1, Jalan Tun Dr. Ismail, 86800 Mersing, Johor Darul Ta'zim pada waktu pejabat mulai **27 Mei 2025 (Selasa)** sehingga **04 Jun 2025 (Rabu)**.
3. Naskah sebut harga akan diberi secara *softcopy*. Sila bawa **PENDRIVE** semasa proses pembelian.
4. Bayaran bagi dokumen sebut harga hendaklah dibuat dalam bentuk sepertimana senarai di bawah dan dibayar atas nama **Majlis Daerah Mersing**:
- a) Draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau;
 - b) Kiriman wang pos (*money order*) atau;
 - c) Wang kiriman pos berpaling (*postal order*) - tidak menerima wang **RM1** atau;
 - d) Bayaran secara dalam talian (*online banking*) melalui kaedah **INSTANT TRANSFER - Public Bank, No. Akaun : 3993187506**.

WANG TUNAI ATAU CEK TIDAK DITERIMA SELARAS DENGAN KETETAPAN
1PP-PK2 PERENGKAN 8(iii) (e) (5)

Jadual 1:

Bil	BUTIR-BUTIR TAWARAN	HARGA DOKUMEN TAWARAN	GRED / KOD BIDANG / PENGKHUSUSAN	TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK
1.	(MDMG.SH/11/2025) MENAIKTARAF KEMUDAHAN PELANCONGAN DARI STESEN BAS MERSING KE JETI SYAHBANDAR MERSING	RM50.00 (Tidak akan dikembalikan)	Gred : G4 Kategori : CE Pengkhususan : CE21 (Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam)	Tarikh : 27 MEI 2025 (Selasa) Masa : 9.00 pagi Tempat Berkumpul : Lobi Pejabat Majlis Daerah Mersing (TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN)

5. Bagi sebut harga yang melibatkan taklimat dan lawatan tapak, hanya penama yang tercatat di dalam siji sahaja yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak berkenaan. Kontraktor/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam siji.

WAKIL BAGI LAWATAN TAPAK TIDAK DIBENARKAN SELARAS DENGAN KETETAPAN 1PP-PK2.1 PERKARA 7 (iv) (b) (8)

6. Peraturan am untuk hadir bagi pendaftaran penyertaan ke pejabat Majlis Daerah Mersing **(tidak dibenarkan masuk jika tidak dipatuhi)** :
- Hanya seorang sahaja dibenarkan masuk bagi setiap syarikat;
 - Mengisi borang pendaftaran kehadiran.
7. Dokumen Tawaran sebut harga yang telah dicetak dan lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada **04 Jun 2025 (Rabu)** sebelum jam **12.00 tengah hari** di alamat Yang Dipertua, Pejabat Majlis Daerah Mersing, No.1, Jalan Tun Dr. Ismail, 86800 Mersing, Johor Darul Ta'zim.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH MERSING
NO. 1, JALAN TUN DR. ISMAIL,
86800 MERSING, JOHOR DARUL TA'ZIM .**